

01/09/2001

Patriotisme percepat usaha wujud bangsa Malaysia

KUALA LUMPUR, Jumaat - Usaha mewujudkan bangsa Malaysia akan menjadi kenyataan dalam tempoh singkat jika semua kaum terus mengeratkan hubungan seperti ditunjukkan pada perayaan Hari Kebangsaan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata rakyat pelbagai kaum kini menunjukkan semangat patriotisme tinggi, khususnya di kalangan remaja.

"Selepas perayaan Ambang Merdeka malam tadi, saya lihat remaja pelbagai kaum berjalan dan bersuka ria dengan membawa Jalur Gemilang.

"Ini menunjukkan kita berjaya meningkatkan semangat patriotisme di kalangan remaja supaya sayang kepada negara kita, Malaysia," katanya selepas Perayaan Hari Kebangsaan di Dataran Merdeka, di sini hari ini.

Perayaan dan perbarisan hari kebangsaan itu dihadiri oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Siti Aishah.

Turut hadir Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood serta anggota Kabinet.

Abdul Kadir berkata, sambutan yang diadakan itu berjaya mengeratkan hubungan antara kaum sehingga orang ramai tidak merasakan mereka mempunyai perbezaan sebagai rakyat Malaysia.

"Saya yakin suatu hari nanti kita akan menjadi bangsa Malaysia yang berjaya," katanya sambil melahirkan rasa kagum terhadap sambutan yang ditunjukkan orang ramai khususnya ketika mengibarkan bendera.

(END)